



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5544 7042 (Am)  
Fax : 03-5510 3062

**“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”  
“PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA”**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

IPK.BK.SEL.  
20684/34( )

Zulkaedah 1429H

27 November 2008

Semua Ketua Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan-badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Di Pertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Selangor

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

## **SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 3-TAHUN 2008**

### **PINDAAN KE ATAS WAWASAN (VISI) DAN MISI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan pindaan ke atas Wawasan (Visi) Negeri dan Misi Negeri yang sedang digunapakai oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan pada ketika ini.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Wawasan (Visi) yang sedang digunapakai oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan pada ketika ini ialah “*Selangor Negeri Idaman, Maju dan Sejahtera*”.



3. Sementara itu, Misi yang sedang digunakan ialah *“Mengurus Kesinambungan Kejayaan Negeri Maju Melalui Perkhidmatan Yang Mesra, Mudah, Cepat dan Tangkas, Selaras Dengan Tuntutan Pelanggan.”*

## **DASAR**

4. Selaras dengan pengumuman Halatuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 yang telah dibentangkan dan telah diluluskan semasa Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor ke-12 pada 20-29 Oktober 2008, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan bahawa Misi Negeri dan Visi Negeri perlu dipinda agar seiring dengan pelaksanaan Halatuju tersebut, di mana: -

- (i) Visi Negeri Selangor dipinda kepada ***“Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebakikan”***; dan
- (ii) Misi Negeri Selangor dipinda kepada ***“Melestarikan Kehidupan Rakyat Untuk Kesejahteraan Hubungan Dengan Tuhan, Manusia dan Alam Sekitar”***.

## **PELAKSANAAN**

5. Semua Ketua Jabatan dikehendaki untuk **mengemaskini dan segera menyelaraskan semula** Visi dan Misi Jabatan masing-masing, termasuk semua Bahagian/Seksyen/Unit yang terdapat dan bernaung di bawah Jabatan tersebut, supaya seiring dengan Visi dan Misi Negeri seperti yang dinyatakan pada para 4 di atas.

## **TARIKH BERKUAT KUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta daripada tarikh ia dikeluarkan.


## **PEMAKAIAN**

7. Semua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Surat Pekeliling ini.

## PEMBATALAN

8. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, maka semua Surat Pekeliling SUK, semua Surat Hebahan SUK, dan lain-lain dokumen-dokumen rasmi dan tidak rasmi yang berkaitan dengan dasar dan pelaksanaan Visi dan Misi Negeri Selangor seperti di para 2 di atas, **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(DATO RAMLI BIN MAHMUD)  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

s.k.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Ketua Setiausaha Sulit Kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

Semua Ketua Bahagian dan Seksyen,

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.